



## KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Bahagian Komunikasi Korporat

Perbadanan Putrajaya

Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013

### OPERASI PEMERIKSAAN PREMIS MAKANAN DI PUTRAJAYA

**PUTRAJAYA, 19 Mac 2019:** Perbadanan Putrajaya (PPj) hari ini melancarkan operasi bersepadu pemeriksaan premis makanan di sekitar Putrajaya diketuai oleh Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim.

Turut serta dalam operasi ini adalah Naib Presiden Perkhidmatan Bandar PPj, Datuk Azizi bin Haji Ahmad Termizi dan Pengarah Bahagian Kesihatan Persekutaran PPj, Dr. Azali Sulaiman.

Operasi diadakan bagi memeriksa tahap kebersihan premis, mengenal pasti struktur tambahan atau pengubahsuaian pada premis tanpa kebenaran, halangan di kaki lima, pembuangan sisa makanan ke dalam sistem perlimbahan atau perparitan dan tempoh sah laku lesen premis perniagaan.

Operasi bermula dari jam 3.00 petang hingga 5.00 petang dan melibatkan kekuatan seramai 30 orang anggota yang terdiri daripada Bahagian Kesihatan Persekutaran, Bahagian Penguatkuasa, Bahagian Komersial, Pembangunan Perniagaan & Pelesenan, Bahagian Alam Sekitar, Tasik & Wetland dan Bahagian Senibina & Inspektorat Bangunan dan Jabatan Undang-undang.

Kesemua premis makanan telah diperiksa di bawah peruntukan Undang-Undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2012 dan Akta Makanan 1983.

Mengikut statistik tahun 2018, sebanyak 350 premis berlesen telah direkodkan. Sebanyak **207 premis telah diberi penggredan 'A'** dan sebanyak **169 premis diberi penggredan 'B'**. Sepanjang 2018, PPj telah mengeluarkan sebanyak **112 kompaun, 43 notis amaran** dan telah mengarahkan penutupan **11 premis**. Pada tahun 2019, sebanyak **15 premis telah diberikan penggredan 'A'** manakala sebanyak **20 premis telah diberi penggredan 'B'** sepanjang Januari hingga Februari. PPj telah mengeluarkan sebanyak **8 kompaun** dan **4 notis amaran**.

PPj sentiasa mengadakan kempen dan pemeriksaan premis makanan dari semasa ke semasa untuk memastikan standard premis makanan di Putrajaya berada pada tahap yang baik dan mematuhi peraturan sedia ada. Di samping itu, orang ramai juga adalah disaran supaya lebih peka dengan tahap kebersihan premis yang mereka kunjungi dan melaporkan aduan premis kotor kepada PPj.

Antara inisiatif lain oleh PPj bagi meningkatkan kesedaran para peniaga tentang kebersihan premis makanan dan memupuk amalan menjaga kebersihan sepanjang masa antaranya adalah pertandingan Anugerah Premis Makanan Bersih peringkat Putrajaya yang diadakan setiap tahun.

Untuk keterangan lanjut mengenai operasi ini di Putrajaya, sila hubungi Pegawai Perhubungan Media, En. Mohd Fairus Bin Mohd Padzil talian 03-88877347 atau 019 – 3354346.

(TENGKU AINA BINTI YTM TENGKU ISMAIL SHAH)

Pengarah,  
Bahagian Komunikasi Korporat  
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 19 Mac 2019